



PEMANFAATAN AYAT AL-QURAN DAN AL-HADITH DALAM PENYERLAHAN FILEM SERAM BERUNSUR ISLAM

[THE USE OF AL-QUR'AN VERSE AND AL-HADITH IN THE EXPLANATION OF HORROR FILMS WITH ISLAMIC ELEMENTS]

Muhammad Athari Basir

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak,
21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Corresponding Author: atharibasir@gmail.com

Received: 9/1/2023

Accepted: 19/1/2023

Published: 31/3/2023

Abstrak

Kemasukkan ayat al-Quran dan al-Hadith ke dalam filem dan drama bukan lagi suatu perkara yang baharu. Bahkan, fenomena ini telah pun melanda ke dalam pembikinan filem seram berunsurkan Islam sehingga ia dilihat menjadi trend dan kewajipan dalam pembikinannya. Walau bagaimanapun, pemanfaatan tersebut belum lagi berjaya menyerlahkan filem seram berunsurkan Islam untuk berdiri sebagai sebuah filem seram yang terbaik, ekoran ia kurang dibincangkan oleh para sarjana dan pakar. Hal ini menyebabkan sebahagian filem seram berunsurkan Islam dihasilkan dengan pemahaman pengarah Muslim yang tidak tepat terhadap ayat al-Quran dan al-Hadith, bacaan ayat ruqyah dengan Bahasa Arab yang tidak tepat makhraj dan tajwid, sehingga membawa kepada pencampuran antara elemen haq dan batil. Justeru itu, makalah ini bertujuan membincangkan pemanfaatan ayat al-Quran dan al-Hadith ke dalam filem seram berunsurkan Islam, termasuklah unsur-unsur Islam yang terkandung dalamnya. Kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan metod diskriptif analisis, iaitu mengumpul data-data yang mengandungi unsur-unsur Islam berdasarkan tontonan beberapa filem seram berunsurkan Islam dari negara-negara Islam seperti Malaysia, Indonesia, Turki dan negara-negara Arab. Sokongan daripada al-Quran dan al-Hadith akan didatangkan secara perlu. Kajian merumuskan bahawa terdapat 7 (tujuh) unsur Islam dalam filem seram berunsurkan Islam, iaitu pemanfaatan ayat al-Quran dan al-Hadith, penggunaan ruqyah, kehadiran watak agamawan, kehadiran syaitan dan jin, perbuatan syirik dan sihir, seteru antara haq dan batil, serta balasan buruk bagi pengamal sihir dan perjanjian syaitan.

Kata kunci: Pemanfaatan ayat al-Quran dan al-Hadith, filem seram, filem seram berunsurkan Islam, unsur-unsur filem seram berunsurkan Islam, konflik haq dan batil

Abstract

The inclusion of al-Quran and al-Hadith verses in films and dramas is no longer a new thing. In fact, this phenomenon has already hit the making of horror films with Islamic elements to the point that it is seen as a trend and an obligation in its making. However, the utilization has not yet succeeded in highlighting the Islamic horror film to stand as the best horror film, as it is less discussed by scholars and experts. This causes some Islamic horror films to be produced with the Muslim director's inaccurate understanding of the verse al-Quran and al-Hadith, recitation of ruqyah verses in Arabic that are not accurate makhraj and tajwid, leading to mixing between elements of truth and falsehood. Therefore, this paper aims to discuss the use of al-Quran and al-Hadith verses in horror films with Islamic elements, including the elements of Islam contained therein. This study is a qualitative study that uses the descriptive method of analysis, which is to collect data that contains elements of Islam based on the viewing of some horror films with Islamic elements from Islamic countries such as Malaysia, Indonesia, Turkey and Arab countries. Support from al-Quran and al-Hadith will come as necessary. The study concludes that there are 7 (seven) elements of Islam in horror films with Islamic elements, namely the use of al-Quran and al-Hadith verses, the use of ruqyah, the presence of religious characters, the presence of devils and jinn, polytheism and witchcraft, the conflict between truth and falsehood, as well as bad retribution for practitioners of witchcraft and devilish pacts.

Keywords: *The use of al-Quran and al-Hadith verses, horror movies, horror movies with Islamic elements, elements of horror movies with Islamic elements, conflict between truth and falsehood*

Cite as: Basir, M. A. (2023). Pemanfaatan Ayat al-Quran dan al-Hadith dalam Penyerlahan Filem Seram Berunsur Islam. *Afaq Lughawiyyah*, 1(1), 228-240. <https://doi.org/10.37231/afaq.2023.1.1.38>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Kemasukan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith ke dalam filem dan drama bukanlah suatu perkara yang asing lagi, khususnya dalam dunia penfileman dan drama di Malaysia. Ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith yang berfungsi sebagai sumber perundangan kini telah pun mula dijadikan sebagai dalil dan hujah dalam dialog-dialog yang dituturkan antara para pelakon (Abur Hamdi Usman et.al, 2018).

Fenomena ini dilihat turut berlaku dalam pembikinan filem seram berunsurkan Islam, antaranya ialah penggunaan tema permasalahan syirik dan penggunaan ayat-ayat ruqyah yang diambil daripada al-Quran dan al-Hadith. Bahkan, fenomena ini perlahan-perlahan menjadi trend sehingga menjadikan kemestian dalam menyerlahkan filem seram berunsurkan Islam, sebagaimana yang dinyatakan oleh Basir (2022) mengenai trend memasukkan penggunaan ayat penawar atau ruqyah yang diambil daripada al-Quran dan al-Hadith.

Pemanfaatan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith ke dalam filem seram berunsur Islam dilihat berfungsi dalam menyerlahkan filem dalam genre tersebut. Hal ini menyumbang kepada kejayaan filem seram berunsur Islam sebagai sebuah genre baharu dalam filem seram dunia, sehingga berjaya melahirkan puluhan filem seram berunsur Islam sebagaimana yang dihasilkan oleh para pengarah filem dari negara-

negara Islam seperti Malaysia, Indonesia, Turki dan juga negara-negara Arab (Basir, 2021). Bahkan, ada antara filem tersebut yang berjaya menjadi filem pecah panggung di negara masing-masing dan menduduki tempat pertama di tangga filem.

Antaranya ialah filem *Munafik 2* 2018 (arahan Syamsul Yusof) di Malaysia yang meraih kutipan pecah panggung sebanyak RM35 juta (Norhayati, 2018), dan filem *Pengabdian Setan* 2017 (arahan Joko Anwar) di Indonesia yang menduduki tangga pertama Filem Indonesia dengan jumlah penonton sebanyak 4,206,103 orang penonton (Dimas, 2018). Bahkan ada juga antara filem tersebut yang berkembang menjadi siri filem seperti filem *Dabbe* dan *Siccin* di Turki yang memiliki sebanyak enam siri filem.

Pemanfaatan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith ke dalam filem seram berunsurkan Islam ini bukan sahaja berfungsi dalam menyerlahkan filem dalam genre tersebut. Dari sudut kaca mata akademik, pemanfaatan ayat-ayat suci ini menyerlahkan agama Islam sebagai salah satu daripada agama utama dunia yang dijadikan genre dalam filem seram berunsurkan keagamaan, selain daripada agama Kristian yang telah bertapak sekian lama dalam perfileman filem seram Barat (Jack Ross, 2021). Perkara ini bertepatan dengan pendapat Karl G. Heider (1991) yang melihat agama telah pun menjadi salah satu unsur utama dalam filem seram selain unsur komedi dan seks.

Selain itu, pemanfaatan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith ke dalam filem seram berunsurkan Islam berpotensi melahirkan sebuah istilah baharu dalam genre penfileman seram, iaitu 'filem seram Islam' sebagaimana yang dinyatakan oleh Ali Sengul (2020) dalam penulisannya mengenai istilah 'Islamic Horror' yang disebut oleh Ozkaracalar, di mana istilah tersebut merujuk kepada filem seram yang mengambil tema filem daripada teks Islam.

Meskipun begitu, kemasukan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith ke dalam filem seram berunsurkan Islam tetap tidak dapat menghilangkan kesan negatifnya terhadap psikologi penonton, sebagaimana yang diutarakan oleh sebahagian golongan pemimpin dan agamawan. Antaranya ialah unsur tahyul yang disifatkan mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Mufti Perlis Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Asri Zainul Abidin sebagai penyebab kemunduran masyarakat Malaysia (Siti Aisyah Hadi Munir & Muhammad Faisal Ashaari, 2015).

Namun seiring dengan kematangan penduduk global, pemanfaatan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith ke dalam filem seram berunsurkan Islam telah berusaha memberi nafas baharu terhadap takrif filem seram yang hanya diproduksi semata-mata sebagai manipulasi rasa takut penonton. Kemasukan tema, plot dan unsur dakwah yang diambil daripada teks Islam seperti al-Quran dan al-Hadith ke dalam filem tersebut menyerlahkan ciri dan isi kandungannya yang sarat dengan pengajaran, nilai dan dakwah Islam, tanpa mengetepikan elemen-elemen filem seram utama seperti kewujudan entiti paranormal 'Jin' dan babak 'jump scare'.

Oleh sebab itu, istilah filem seram berunsurkan Islam mahupun istilah 'Filem Seram Islam' sebagaimana yang disebutkan oleh Ozkaracalar tadi, perlulah dibincangkan secara menyeluruh dalam kalangan sarjana dan pakar, agar ia

dihasilkan sesuai dengan kaca mata sastera Islam dan agama Islam sendiri khususnya, sehingga mampu mendidik masyarakat global dan para muslimin. Hal ini disebabkan pembikinan filem tersebut telah pun bermula tanpa disediakan dahulu manual dan kerangkanya, sehingga membuka kepada salah faham sebahagian pengarah seperti sebutan Bahasa Arab yang kurang jelas makhraj dan tajwidnya dalam bacaan ruqyah, perlambangan yang kurang tepat atau berlebihan yang diambil dari al-Quran dan al-Hadith, dan juga termasuklah elemen seram yang berlebihan seperti syirik dan pemujaan syaitan.

Perkara ini telah pun dibuktikan dalam kajian yang dilakukan oleh Muhammad Muhaimin dan Rosmawati (2018) yang mengkaji filem *Munafik* 2018 dan Mohd Adi Amzar (2021) yang mengkaji filem *Penunggang Agama* 2021. Hasil kedua-dua kajian ini seiring dengan Naim Ahmad (2011) yang berpendapat bahawa filem-filem Islam perlulah digarap dengan baik agar perkara haq dan batil tidak bercampur dalam satu-satu masa, lebih-lebih lagi filem seram berunsurkan Islam yang memanfaatkan penggunaan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith ke dalamnya.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang menekankan pemanfaatan ayat-ayat suci bagi menyerlahkan naskhah seni yang berunsurkan Islam, antaranya ialah aplikasi al-Quran dan al-Hadith sebagai mesej dalam drama bergenre dakwah, sebagaimana yang diutarakan oleh Monika @ Munirah Abd Razzak et.al (2019) dalam kajiannya mengenai drama *Tanah Kubur* arahan Rashid Sibir semenjak tahun 2011. Dalam kajian ini, Monika menyimpulkan bahawa mesej dakwah dalam drama *Tanah Kubur* ini disampaikan menerusi al-Quran dan al-Hadith dalam tiga bentuk, iaitu perkara yang berkaitan dengan akidah iaitu berkaitan kepercayaan, perkara yang berkaitan dengan syariah iaitu penjelasan pelaksanaan ibadah, dan perkara yang berkaitan dengan tingkah laku dan moral manusia.

Usman et.al (2018) turut mengkaji kedudukan Al-Hadith dalam drama *Tanah Kubur*, di mana beliau memfokuskan kepada dapatan data yang dikumpulkan mengenai kedudukan al-Hadith dalam drama *Tanah Kubur* musim kedua. Dapatan kajian ini menyimpulkan beberapa simbolik mesej berdasarkan hadith Nabi S.A.W, di mana menurut Rashid Sibir sendiri, ia dimasukkan sebagai idea yang membentuk plot penceritaan agar drama tersebut menjadi menarik dan berbentuk Islamik.

Bagi filem seram berunsurkan Islam pula, dapatan awal pengkaji bahawa istilah tersebut kurang dibincangkan di Malaysia dan tampak asing dalam dunia akademik kedua-dua negara ini. Apatah lagi, istilah ini dilihat hampir tidak dibincangkan di negara-negara Arab, berbeza dengan Turki yang telah pun mengangkat istilah itu sebagai 'Islamic Horror'. Menurut Ali Sengul (2020), istilah ini merujuk kepada filem seram yang mengambil tema filem daripada teks Islam.

Sungguhpun begitu, terdapat beberapa kajian mengenai naskhah filem seram berunsurkan Islam yang dijalankan oleh pengkaji dan ahli akademik, antaranya ialah Muhammad Muhaimin dan Rosmawati (2018) yang menganalisis mesej dakwah dalam filem *Munafik* (2016) yang diarahkan oleh Syamsul Yusof. Keduanya

mendapati bahawa terdapat enam mesej dakwah yang disampaikan dalam filem ini antaranya ialah hakikat Allah S.W.T yang berhak menyembuhkan segala penyakit dan representasi amalan baik seperti menziarahi kubur dan saling menolong dalam membuat kebaikan. Dapatan menyimpulkan bahawa filem *Munafik* (2016) dilihat mempunyai mesej yang jelas, kritikan sosial yang padu dan elemen keagamaan yang benar, namun wujud dalamnya beberapa babak yang kurang sesuai dengan norma kehidupan masyarakat Malaysia secara khususnya.

Mohd Adi Amzar (2021) pula mengkaji kewajaran filem *Penunggang Agama* (2021) yang diarahkan Syafiq Yusof bagi diklasifikasikan sebagai filem Islam. Dalam kajian ini, pengkaji merungkaikan status sebenar filem ini dengan menggunakan dua kerangka atau aspek analisis, iaitu aspek akidah Islam dan syariat Islam. Dapatan menyimpulkan bahawa filem *Penunggang Agama* (2021) ini masih belum layak dan wajar untuk dikatakan sebagai filem Islam secara keseluruhannya. Hal ini disebabkan kewujudan dua perkara, iaitu daripada aspek akidah yang melibatkan penggunaan dialog dan babak yang memerihalkan pemujaan Iblis dan syaitan; dan aspek syariat yang menampilkan banyak babak percampuran antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram.

Selain itu, Basir telah membuat tiga kajian berasingan pada tahun 2022, di mana empat buah filem telah pun dikaji, iaitu filem *Munafik 2* (2018) dari Malaysia, *Makmum* (2019) dan *Ruqyah: The Exorcism* (2017) dari Indonesia, dan *Dabbe: The Possession* (2013) dari Turki. Ketiga-tiga kajian ini difokuskan bagi melihat kesesuaian filem-filem tersebut dengan kreativiti sastera Islam, di samping mengkritik beberapa ketidaksesuaian dan kekeliruan seperti mana yang terdapat dalam filem *Ruqyah: The Exorcism* (2017).

METODOLOGI


Kajian ini menggunakan analisis kandungan secara kualitatif. Beberapa filem seram berunsurkan Islam yang dihasilkan dari negara-negara Islam seperti Malaysia, Indonesia, Turki dan negara-negara Arab telah dipilih sebagai sampel kajian.

Filem-filem ini dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Pengkaji memilih filem-filem ini kerana kesemuanya merupakan filem seram berunsurkan Islam dan memanfaatkan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith ke dalamnya bagi menyerlahkan filem tersebut. Sekiranya perlu, pengkaji akan mendatangkan bukti-bukti sokongan daripada al-Quran dan al-Hadith.

Dalam kajian ini juga, pengkaji akan memfokuskan unsur-unsur Islam yang terdapat dalam filem-filem yang dipilih, tanpa menyentuh kepada kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh sebahagian pengarah filem-filem tersebut dalam perbincangan pendefinisian filem seram berunsurkan Islam dengan tepat dan betul secara holistik.

Unsur-unsur Islam tersebut kemudiannya dikeluarkan oleh pengkaji, dan wujud kebarangkalian mengenai beberapa filem seram berunsurkan Islam yang memiliki unsur-unsur Islam yang sedikit, mahupun banyak. Proses menganalisis

unsur-unsur Islam dalam filem-filem yang dipilih dijalankan berdasarkan rajah di bawah:



Rajah 1: Proses menganalisis unsur-unsur Islam dalam filem seram berunsurkan Islam

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan beberapa filem-filem seram berunsurkan Islam yang telah ditonton pengkaji, berikut merupakan unsur-unsur Islam yang terdapat dalam filem-filem tersebut:

(1) Pemanfaatan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith

Pengkaji mendapati kemasukan ayat-ayat al-Quran ke dalam filem seram berunsurkan Islam digunakan dalam dua cara; iaitu pertama, ia diletakkan pada awal filem sebelum plot bermula seperti filem *al-Ins wa al-Jin* dari Mesir (1985, arahan Mouhamed Rady) yang meletakkan bacaan ayat ke-56, Surah *adz-Dzaariyaat* pada awal filem:

﴿ وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴾

Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Meskipun penggunaan Alif dan Lam sebagai perlambangan kata nama khas atau *ma'rifah* yang menunjukkan bahawa hanya golongan jin dan manusia yang terdiri daripada mereka yang meperolehi kebahagiaan sahaja yang diciptakan untuk beribadah Allah S.W.T, sebagaimana yang dinukilkan dalam Tafsir Al-Tabari mengenai perbezaan pendapat ahli takwil mengenai ayat ini, namun ayat ini dimanfaatkan bagi menunjukkan jin dan manusia yang diciptakan sebagai makhluk Allah S.W.T. Hal ini jelas dengan watak Galal, yang merupakan jin yang jatuh cinta kepada Fatima, seorang perempuan manusia yang baru sahaja pulang dari Amerika.

Filem *Roh* dari Malaysia (2020, arahan Emir Ezwan) juga menggunakan cara yang sama, iaitu dengan meletakkan petikan terjemahan ayat ke-12 dan 14, Surah *al-A'raaf* pada awal filem:

Terjemahan: “Apakah penghalangnya yang menyekatmu daripada sujud ketika Aku perintahmu?” Iblis menjawab: “Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku daripada api sedang dia Engkau jadikan daripada tanah. “Iblis berkata: Berilah tempoh kepadaku hingga hari mereka dibangkitkan (hari kiamat)”.

Manakala cara kedua ialah memaparkan ayat al-Quran dalam babak, seperti pemfokusan kamera terhadap sepotong ayat al-Quran yang ditulis di atas bulu dalam filem *Buyu* dari Turki (2004, arahan Orhan Oguz), iaitu potongan ayat ke-102, Surah al-Baqarah:

﴿... وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ ...﴾

Terjemahan: ... Dan demi sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) telah pun mengetahui bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat.

Filem *Munafik 2* dari Malaysia (2018, arahan Syamsul Yusof) juga menggunakan cara yang sama, di mana watak Ustaz Adam membacakan potongan ayat ke-175 dan 176, Surah al-A'raaf dan menerjemahkannya:

﴿... فَاتَّبَعَهُ الشَّيْطَانُ فَكَانَ مِنَ الْغَاوِينَ ... فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ الْكَلْبِ ...﴾

Terjemahan: ... Lalu ia diikuti oleh Syaitan (dengan godaannya), maka menjadilah daripada kalangan orang yang sesat. ... Maka bandingannya adalah seperti anjing ...

Bagi pemanfaatan ayat-ayat daripada al-Hadith pula, filem *Makmum* dari Indonesia (2019, arahan Hadrah Daeng Ratu) mengetengahkan gangguan *Khanzab*, syaitan yang ditakrifkan dalam kamus *Lisan al-Arab* karangan Ibnu Manzur, yang berada ketika seseorang muslim itu menunaikan solat. Ganda, guru agama dalam filem ini juga telah menerangkan mengenai *Khanzab* kepada Rini, watak utama filem.

Perihal *Khanzab* dalam filem *Makmum* 2019 ini bertepatan dengan Hadith Shahih Muslim:

٤٠٨٣- حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ حَلْفِ الْبَاهِلِيِّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْأَعْلَى عَنْ سَعِيدِ الْجُرَيْرِيِّ عَنْ أَبِي الْعَلَاءِ أَنَّ عُثْمَانَ بْنَ أَبِي الْعَاصِ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ الشَّيْطَانَ قَدْ حَالَ بَيْنِي وَبَيْنَ صَلَاتِي وَقِرَاءَتِي يَلْبِسُهَا عَلَيَّ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «ذَاكَ شَيْطَانٌ يُقَالُ لَهُ حَنْزُبٌ فَإِذَا أَحْسَسْتَهُ فَتَعَوَّذْ بِاللَّهِ مِنْهُ وَاتَّقِ عَلَى يَسَارِكَ ثَلَاثًا» قَالَ فَفَعَلْتُ ذَلِكَ فَأَذْهَبَهُ اللَّهُ عَنِّي... ج ٤ ص ٦٨.

Terjemahan: Daripada Abu Al-'la bahawa 'Uthman bin Abu Al-'Ash datang kepada Rasulullah S.A.W lalu bertanya; “Ya, Rasulullah! Aku sering diganggu syaitan dalam solat, sehingga bacaanku menjadi kacau kerananya. Bagaimana itu?” Maka Baginda bersabda: “Ya, yang demikian itu memang gangguan syaitan yang dinamakan *Khanzab*. Kerana itu bila engkau diganggunya, maka segeralah mohon perlindungan kepada Allah daripada godaannya, sesudah itu meludah ke sebelah kirimu tiga kali!”

Kata 'Uthman; "Setelah kulakukan yang demikian, maka dengan izin Allah godaan seperti itu hilang." (Hadith Shahih Muslim Jilid 4. Nombor 4083)

(2) Penggunaan ruqyah yang diambil daripada al-Quran dan al-Hadith

Khadher Ahmad (2014) telah pun memberikan definisi ruqyah dari sudut bahasa dan istilah dengan mendatangkan beberapa penerangan yang diambil daripada sarjana dan perkamusan Arab. Antaranya ialah definisi al-Fayyumi bahawa ruqyah itu bermaksud memohon perlindungan daripada Allah S.W.T, definisi al-Fairuz Abadi bahawa ruqyah merupakan ayat-ayat al-Quran yang dibacakan terhadap orang-orang yang terkena berbagai penyakit dengan harapan mendapat kesembuhan, dan juga definisi Al-Qarafi bahawa ruqyah sebagai kalimah-kalimah khusus yang dengannya akan memperolehi kesembuhan daripada penyakit dan terhindar daripada hal-hal kecelakaan.

Khader Ahmad seterusnya juga memberikan takrifan ruqyah dalam Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam (2011) sebagai doa yang berasaskan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith, yang bertepatan dengan syarak bagi tujuan pengubatan dan kesejahteraan atau kebaikan.

Terdapat beberapa babak dalam filem seram berunsurkan Islam yang memanfaatkan penggunaan ruqyah yang diambil daripada al-Quran dan al-Hadith bagi menyerlahkan filem tersebut, antaranya ialah Ganda dalam filem Makmum 2019 yang membacakan Surah al-Ikhlaas, al-Falaq dan an-Naas, serta ayat ke-255, Surah al-Baqarah atau dikenali juga sebagai Ayat Kursi. Watak Ustaz Adam dan Azhar dalam filem Munafik 2 2018 pula membacakan beberapa siri ayat al-Quran dan al-Hadith, antaranya ayat ke-148 Surah al-Baqarah, ayat ke-82 Surah al-Isra', ayat ke-35 Surah al-Hijr, ayat ke-21 Surah al-Hasyr, ayat ke-21 Surah al-Nur dan Hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidzi:

٣٤٢٦ - حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ يَحْيَى بْنِ سَعِيدِ الْأُمَوِيِّ حَدَّثَنَا أَبِي حَدَّثَنَا ابْنُ جُرَيْجٍ عَنْ إِسْحَاقَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي طَلْحَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ «قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ قَالَ يَعْزِي إِذَا خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ يُقَالُ لَهُ كُفَيْتَ وَوُقِيَتْ وَتَنَحَّى عَنْهُ الشَّيْطَانُ».

(3) Kehadiran watak agamawan

Sebagaimana watak paderi yang seringkali wujud dalam filem seram yang bertemakan agama Kristian, watak agamawan Islam atau digelar Muhammad Walid Jida' (t.th) sebagai 'rijal Al-Din' juga wujud dalam filem seram berunsurkan Islam. Kebiasaannya, watak ini menggunakan nama panggilan seperti Ustaz atau Imam dalam filem seram berunsurkan Islam Malaysia, Kiai atau Pak Ustaz di Indonesia, dan Hodja di Turki. Muhammad Walid Jida' menyatakan bahawa tugas 'rijal Al-Din' ini ialah menyelesaikan masalah sebagaimana dalam plot filem.

Pendapat Muhammad Walid Jida' ini bertepatan dengan peranan Ustaz Adam dalam filem Munafik 2 2018 yang diminta untuk menyelesaikan masalah Sakinah yang sering diganggu, peranan Ganda dalam filem Makmum 2019 bagi

menyelesaikan gangguan 'hantu makmum' di asrama, dan watak Hodja Faruk Akat dalam filem *Dabbe: The Possession* dari Turki (2013, arahan Hasan Karakadag) yang dicabar untuk menyelesaikan kemelut psikologi yang dihadapi Kubra Duran.

(4) Kehadiran syaitan dan jin

Kehadiran syaitan dan jin berbeza digunakan dalam filem seram berunsurkan Islam. Kehadiran syaitan biasanya wujud dalam bentuk hantu yang disesuaikan mengikut representasi bangsa dan budaya sebagaimana yang banyak digunakan dalam filem seram berunsurkan Islam Malaysia dan Indonesia (Faizal, 2014). Syaitan dalam filem seram berunsurkan Islam berfungsi antaranya ialah dijadikan ejen untuk manusia membuat perjanjian demi mendapatkan sesuatu seperti filem *Pengabdi Setan* 2017.

Manakala filem seram berunsurkan Islam dari Turki dan negara-negara Arab majoritinya menggunakan watak jin berdasarkan pendapat Kizilca (2015), bahkan juga menjadi bahagian utama dalam filem seram berunsurkan Islam (William & Bilal, 2015).

(5) Pembuatan dosa syirik dan sihir

Dalam filem seram berunsurkan Islam, wujud watak yang digambarkan sebagai seorang yang melakukan dosa syirik dan bergantung selain daripada Allah S.W.T. Sebagai contoh, perjanjian Mawarni dengan syaitan demi mendapatkan zuriat dalam filem *Pengabdi Setan* 2017.

Pengamalan sihir atau ilmu hitam pula sama ada daripada watak atau antagonis filem seram berunsurkan Islam merupakan ritual mistik yang masih dilakukan dan dipercayai dalam kalangan masyarakat (Hani et al., 2016) dan merupakan pembuatan dosa yang sering ditonjolkan dalam filem seram berunsurkan Islam, khususnya dari Turki (Bilgehan Ece Sakrak, 2016).

(6) Seteru antara haq dan batil

Bagi mengimbangi watak haq yang dibawa oleh watak agamawan, kebiasaannya watak batil dipegang oleh bomoh, tukang sihir ataupun entiti paranormal itu sendiri seperti syaitan atau jin. Seteru ini dilakonkan dalam babak perlawanan antara haq dan batil, di mana agamawan menggunakan ayat ruqyah daripada al-Quran dan al-Hadith, dan watak batil pula menggunakan kekuatan spiritual yang mampu mencederakan watak agamawan (Suma Riella Rusdiarti, 2009).

Sebagai contoh, seteru antara Ustaz Adam dan Abuja dalam filem *Munafik 2* 2018, seteru antara Ganda dan roh Ningsih dalam filem *Makmum* 2019, dan seteru antara Hodja Faruk Akat dengan jin Suzula dalam filem *Dabbe: The Possession* 2013.

(7) Balasan buruk bagi mereka yang mengamalkan sihir dan membuat perjanjian dengan syaitan

Dalam filem seram berunsurkan Islam, balasan buruk dipaparkan bagi mereka yang mengamalkan sihir seperti kematian yang mengerikan (Basir, 2021) dan juga pembalasan daripada Allah S.W.T.

Sebagai contoh, dalam filem *Kafir (Satanic) Tidak Diterima Bumi* dari Indonesia (2002, arahan Mardali Syarief), watak Kuntet yang merupakan dukun santet mati dalam keadaan yang mengerikan, apabila sihir yang dikirim kepada Haji Damiri berbalik kepada dirinya sendiri. Malah, bersama dengan muridnya yang bernama Suyahman, kedua-duanya mati terbakar akibat disambar petir. Balasan yang sama diterima oleh Abuja dalam filem *Munafik 2* 2018 yang mati akibat dihempap tiang selepas gempa bumi melanda tempat ritualnya dan para pengikutnya akibat menyeksa Ustaz Adam.

Balasan buruk yang diterima akibat membuat perjanjian dengan syaitan digambarkan dalam filem *Pengabdian Setan* 2017, di mana Ian, anak terakhir yang telah pun berumur tujuh tahun, dijempit kembali oleh para penyembah syaitan kerana Ian merupakan anak syaitan.

Berdasarkan filem-filem seram berunsurkan Islam yang telah dinyatakan oleh pengkaji dalam dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa majoriti daripadanya menggunakan tajuk yang memiliki perkaitan dengan Islam, munafik, kafir, makmum, syaitan, jin, termasuklah siri filem *Dabbe* yang diambil sempena *Dabbe'ul Arz* yang akan datang ke bumi dan memulakan Hari Kiamat (Gjinali & Tunca, 2020). Tajuk-tajuk ini mampu memberi gambaran awal kepada para penonton bahawa filem tersebut merupakan filem seram berunsurkan Islam dan berbeza daripada filem seram yang lain.

Selain itu, pemanfaatan ayat al-Quran dalam filem seram berunsurkan Islam berfungsi dalam memberi gambaran awal kepada para penonton mengenai tema atau intipati filem tersebut. Sebagai contoh, bacaan ayat ke-56, Surah adz-Dzaariyaat pada awal filem *al-Ins wa al-Jin* 1985 memberi gambaran awal mengenai kewujudan jin yang hidup bersama dengan manusia. Begitu juga dengan perletakan terjemahan ayat ke-12 dan 14, Surah al-A'raaf pada awal filem *Roh* 2020, di mana ia menjawab teka-teki penonton mengenai watak Tok yang sebenarnya merupakan Iblis. Manakala kedua-dua ayat al-Quran yang wujud dalam filem *Buyu* 2004 dan *Munafik 2* 2018 merupakan penerangan bagi watak antagonis dalam kedua-dua filem tersebut.

Selain itu juga, penggunaan ruqyah yang diambil daripada al-Quran dan al-Hadith berbeza mengikut filem. Sebagai contoh, pengkaji mendapati penggunaan ruqyah dalam filem *Munafik 2* 2018 mengambil banyak ayat al-Quran dan al-Hadith, berbeza dengan filem *Makmum* 2019 yang menggunakan ruqyah yang pendek seperti bacaan Surah al-Ikhlaas, al-Falaq dan an-Naas. Penggunaan ruqyah tersebut juga ditambah dengan ritual tertentu, seperti Ustaz Adam dalam filem *Munafik 2* 2018 yang menggunakan daun bidara ketika berhadapan dengan Sakinah yang dirasuk, dan juga Hodja Faruk Akat dalam filem *Dabbe: The Possession* 2013 yang memasukkan separuh badan ke dalam kain bersama pesakit yang dirasuk dan menggunakan dua buah cermin bersama lilin-lilin ketika mengubati Kubra Duran.

Dalam menyentuh perihal watak agamawan atau 'rijal al-Din' pula, tidak semestinya watak tersebut terlibat secara langsung dalam seteru dengan watak batil atau menyelesaikan masalah sebagaimana dalam plot filem. Dalam filem *Pengabdian Setan* 2017 misalnya, watak Pak Ustaz menasihati Rini dan keluarganya agar sentiasa beribadah dan mendekatkan diri dengan Allah S.W.T. Meskipun sebahagian

daripada sarjana berpendapat bahawa watak agamawan dalam filem seram berunsurkan Islam hanyalah babak yang 'biasa' (Rosmawati, 2012) dan hanya berfungsi sebagai tukang halau hantu serta jin (Shaarani, t.th), namun ketiadaan mereka akan menyebabkan masalah yang ditonjolkan sepanjang plot filem tidak dapat diselesaikan, bahkan mampu mengancam nyawa dan memberi kemenangan kepada watak batil.

KESIMPULAN

Dengan pemanfaatan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith, filem seram berunsurkan Islam sebenarnya memiliki potensi untuk menjadi sebuah genre yang terbaik dalam dunia filem seram. Bahkan, ia juga mampu melahirkan kumpulan peminatnya yang tersendiri, di mana mereka mendahagakan sebuah naskhah filem seram yang tidak semata-mata hanya memanipulasi rasa takut, dan mampu memberikan pengajaran dan nilai berguna yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan.

Sungguhpun begitu, filem seram berunsurkan Islam tetap memerlukan sebuah manual dan kerangka agar ia diproduksi oleh para pengarah Muslim dan negara-negara Islam dengan menggunakan fahaman Islam yang sahih dan tidak mencampurkan antara haq dan batil. Sebagai contoh, penggunaan ayat al-Quran dan al-Hadith perlulah kena pada tempat dan adabnya, dan perlu dibaca dengan makhraj dan tartil yang betul oleh pelakon Muslim yang membawakan watak agamawan, walaupun dirinya bukanlah agamawan dalam kehidupan sebenar. Konsep yang diambil daripada teks Islam perlulah tepat dan betul, dan bukannya sekadar perlambangan sebagaimana watak roh Ningsih dalam filem Makmum 2019 yang mengambil syaitan Khanzab sebagai tamsilan.

Selain itu, watak agamawan atau 'rijal al-Din' perlu diperhalusi dengan baik dan diberikan peranan yang pelbagai seperti berdakwah kepada masyarakat dan menasihati mereka dengan nilai-nilai Islam, dan bukan hanya sekadar dihadirkan pengarah filem seram berunsurkan Islam sebagai semata-mata 'tukang halau serta jin'. Watak Ustaz Adam dalam filem Munafik 2 2018 dilihat pengkaji sebagai contoh watak agamawan yang terbaik bagi genre ini, di mana wujud keseimbangan antara elemen-elemen yang disebutkan pengkaji tadi.

Begitu juga dengan watak atau kehadiran syaitan dan jin, di mana ia juga perlu diadakan secara bersederhana dan tidak melampau sehingga penonton lebih mengingati watak syaitan dan jin berbanding pengajaran dan nilai Islam dalam filem tersebut. Watak jin terutamanya, perlulah digambarkan dengan bersederhana dan tidak melampau dari sudut kejahatan dan kerosakan yang mampu ia lakukan kepada manusia. Gjinali dan Tunca menyatakan, disebabkan jin merupakan makhluk nyata yang hidup bersama dengan manusia, gambaran yang melampau dalam filem seram akan menyebabkan penonton berasa takut untuk melakukan perbuatan yang membawa kepada gangguan jin, seterusnya akan membuatkan penonton berasa takut dan dipengaruhi dalam tempoh yang lama.

Di samping itu, filem seram berunsurkan Islam yang dihasilkan dengan fahaman sahih yang terhasil daripada manual dan kerangka Islam yang benar

mampu menghasilkan filem seram berunsurkan Islam yang bebas daripada konsep tahyul, khurafat dan salah faham dalam masyarakat. Sebagai contoh, tiada konsep kehidupan semula selepas mati akibat kehidupan yang tidak tenang atau menjelma sebagai hantu, atau batil yang tetap menang di akhir cerita dengan kekalahan secara mutlak kepada watak haq, sebagaimana yang ditunjukkan dengan kekalahan Hodja Faruk Akat yang ditimpa amnesia selepas usaha kerasnya dalam mengubati Kubra Duran.

Bagi menghasilkan sebuah naskhah filem seram berunsurkan Islam yang baik, sudah tentu pengarah Muslim dan negara-negara Islam perlulah membuat kajian yang mendalam terlebih dahulu, termasuklah penggunaan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith agar bertepatan dengan makna dan tafsirannya. Kegagalan pengarah Muslim atau penerbit mengaplikasikan perkara ini, termasuklah memproduksi filem seram berunsurkan Islam menurut hawa nafsu dan fahaman mereka yang dangkal mengenai penggunaan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith, akan menyebabkan filem seram berunsurkan Islam tidak mampu diserlahkan hanya akan menjadi produk yang dihasilkan hanya semata-mata keuntungan dan nama.

RUJUKAN

al-Quran.

- Abur Hamdi Usman, Mohd Norzi Nasir, Ahmad A'toa Mokhtar, Bahtiar Mohd Nor & Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin. (2018). Kedudukan Hadis dalam Drama Tanah Kubur: Refleksi Intelektual dan Wacana Muhaddithun. *HADIS International Refereed Academic Journal in Hadith Studies*, 8(16), 1-21.
- Ali Sengul. (2020). Cinema, Horror and the Wrath of God: Turkish Islam's Claims in the Kurdish East. *Nubihar Akademi*, 4(14), 11-28.
- Bilgehan Ece Sakrak. (2016). Religious Evils in Turkish Horror Films. *This Thing of Darkness: Shedding Light on Evil*, 38-46.
- Dimas Lazuardy Abdullah. (2018). Analisis Semiotika Makna Islam dalam Film Pengabdian Setan (Disertasi Sarjana). Jakarta: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Hani Salwah Yaakup, Wan Amizah Wan Mahmud & Mohd Shahizan Ali. (2016). Filem Seram Tempatan: Menelusuri Perubahan Kepercayaan Masyarakat Melayu. *Forum Komunikasi*, 11(2), 65-86.
- Jack Ross. (2021). *How Christianity is represented in modern horror movies: A textual analysis of The Conjuring and The Conjuring 2*. Sheffield Hallam University.
- Karl G. Heider. (1991). *Indonesian Cinema. National Culture on Screen*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Khadher Ahmad, Abdullah Yusof & Mohd Farhan Md Ariffin. (2014). Signifikan Penggunaan Ruqyah Berasaskan al-Quran dalam Rawatan Penyakit: Satu Analisis. *Tajdid in Quranic Studies*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Kizilca M. (2015). An Overview of Turkish Horror Cinema. *Oteki Cinema*. <http://www.otekisinema.com/turk-korku-sinemasina-genel-bir-bakis/>. Diakses pada 20 April 2022.

- Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi. (2021). Penunggang Agama: Wajarkah Diklasifikasi Sebagai Filem Islam? *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu 2021*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Faizal Omar. (2014). *Biografi Jin*. Selangor: Yamani Angels Sdn. Bhd.
- Monika @ Munirah Abd Razak, Norrodzoh Hj Siren, Nik Mohd Zaim Ab Rahim & Siti Aminah Ngadiman. (2019). *Aplikasi Mesej al-Quran dan Hadith dalam Drama Dakwah: Kajian Drama Tanah Kubur di Media Astro Oasis*. International Conference on Islam in Malay World.
- Muhammad Athari Basir. (2021). an-Naqd al-Adabi al-Islami li Anasir Filam ar-Ru'bi: Dirasat Muwazanah baina Filamaini "Munafik 2" (2018) wa "Makmum" (2019) (Disertasi Sarjana). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Athari Basir. (2022). Dabbe: The Possession (2013): Kesesuaian Tema Filem dengan Kreativiti Sastera Islam. *Law, Policy, and Social Science*, 22(1), 19-33.
- Muhammad Athari Basir. (2022). Kritikan Sastera Islam Terhadap Filem Seram: Analisis Watak Utama Filem Munafik 2 (2018) dan Makmum (2019). *al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 2, 116-125.
- Muhammad Athari Basir. (2022). Ruqyah: The Exorcism (2017): Filem Seram Islam Yang Keliru. *International Journal of Social Science Research*, 4(3), 79-93.
- Muhammad Muhaimin Zainal Abidin & Rosmawati Mohamad Rasit. (2018). Analisis Mesej Dakwah dalam Filem Munafik (2016). *Fikiran Masyarakat*, 6(1), 23-29.
- Muhammad Walid Jida'. (t.th.). *al-Mauqif min Sinima Islamiah*. al-Manshur: Dar al-Wafa' li al-Tiba'ah aa an-Nasr wa al-Tawzi'.
- Naim Ahmad. (2011). *Filem Islam: Satu Pembicaraan*. Shah Alam: Penerbit Uni-N Production Sdn. Bhd.
- Norhayati Nordin. (2018). Munafik 2 buat Syamsul demam. <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/09/376018/munafik-2-buat-syamsul-demam>. Diakses pada 21 April 2022.
- Rosmawati Mohamad Rasit. (2012). The Position of Religious Malays Films in Malaysia from the Perspectives of Islamic Da'wah. *Jurnal al-Hikmah*, 4, 148-160.
- Shaarani Ismail. (t.th). Watak Ustaz dalam Filem Seram Didik Masyarakat. t.tmp. t.pnb.
- Siti Aisyah Hadi Munir & Muhammad Faisal Ashaari. (2015). Kesan Filem Seram Terhadap Pegangan Agama: Suatu Tinjauan Literatur. *Jurnal al-Hikmah*, 9(1), 33-48.
- Suma Riella Rusdiarti. (2009). *Film Horor Indonesia: Dinamika Genre*. Makalah pada Program Studi Ilmu Susastra UI. Depok: Tidak diterbitkan.
- Vali Gjinali & Elif Asude Tunca. (2020). A General Look on the Impact of Turkish Horror Movies: An Exploratory Study on the Opinions of Youth on Horror Movies. *SAGE Open*, 1-11.
- William L. Blizek & Bilal Yorulmaz. (2015). Applying Religion and Film to Islam. *Global Journal of Human-Social Science*, 15(9), 1-9.